Ruj. Kami : ANM.PK.KPP.600-3/1 (1)
Tarikh : 07 Januari 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT AKAUN BANK DATA INDUK SISTEM iGFMAS BAGI PENERIMA BAYARAN (PENERIMA GAJI BAWAH JANM, NOTE DAN KDN)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, jabatan yang telah mengemaskini maklumat akaun bank pegawai di Sistem Gaji (JANM/ NOTE/ KDN) perlu mengemukakan permohonan kepada Pejabat Perakaunan untuk dikemaskini di dalam Data Induk Sistem iGFMAS.

3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab jabatan untuk mengemukakan maklumat seperti berikut bagi memudahkan proses pengemaskinian maklumat akaun bank penerima bayaran di dalam Data Induk Sistem iGFMAS :-

3.1 Surat iringan bersama sebab penukaran maklumat akaun bank

3.2 Borang Pendaftaran/Penamatan Vendor iGFMAS

3.3 Salinan kad pengenalan pegawai

3.4 Salinan penyata bank pegawai yang terkini

3.5 Salinan penyata gaji pegawai

4. Pihak jabatan perlu mengambil tindakan untuk mengemaskini data maklumat akaun bank pegawai di dalam sistem Gaji (JANM/NOTE/KDN) **terlebih dahulu** sebelum menghantar permohonan kepada jabatan ini. Jabatan ini akan mengambil tindakan kuiri sekiranya pihak jabatan gagal untuk mengemaskini maklumat tersebut terlebih dahulu.

5. Semua permohonan boleh dihantar terus ke kaunter tingkat 5 JANM Perak atau di emel terus kepada ukpp_prk@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN PELANGGAN**
**JANM NEGERI PERAK**